

Putu kacang, karas pilihan wajib Dr M, isteri

[FOTO AMRAN HAMID /BH]



Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah beramah mesra dengan peniaga ketika berkunjung ke Kompleks Pekan Rabu di Alor Setar, semalam.

Alor Setar: Putu kacang dan karas antara kuih tradisional wajib dibeli Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali setiap kali berkunjung ke Kompleks Pekan Rabu, di sini, menjelang Aidilfitri.

Pemilik Gerai Warisan Mak Chah, Suria Hassan, 49, berkata Dr Mahathir dan isteri adalah pelanggan tetap yang pasti singgah ke gerainya sejak 1980-an lagi, iaitu ketika arwah datuknya mengendalikannya perniagaan berkenaan.

“Mudah berurusan dengan Dr Siti Hasmah. Walaupun agak teliti memilih kuih, mereka tak cerewet dan tak berkira dengan harga. Saya amat berbesar hati dan teruja kerana pemimpin nombor satu negara setia memilih gerai ini, ma-

lah turut meluangkan masa beramah mesra dengan peniaga,” katanya.

Beli songkok kegemaran

Perdana Menteri tiba di Kompleks Pekan Rabu pada jam 11.06 pagi dan meluangkan kira-kira 20 minit meninjau kompleks itu sambil membeli-belah. Yang turut mengiringi beliau, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Dr Siti Hasmah juga membeli dodol lemak, dodol durian, kuih bangkit, kuah rojak, serunding, biskut suji dan acar limau, manakala Dr Mahathir tidak melepaskan peluang membeli songkok kegemaran beliau, iaitu songkok 'Style Tun' buatan tangan Sardi Dahar, selain sepasang capal, butang baju Melayu dan sampings.